

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

Malaysia terima pelaburan asing lebih besar

Malaysia terima pelaburan asing lebih besar

Malaysia mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM19.3 bilion dalam pelaburan langsung asing (FDI) pada suku keempat 2022 berbanding RM12.3 bilion pada suku tahun sebelumnya, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata pembuatan kekal sebagai sektor terbesar FDI, diikuti sektor perkhidmatan khususnya dalam maklumat dan komunikasi serta perlombongan dan pengkuarian.

"Sumber utama FDI adalah dari Amerika Syarikat (AS), Switzerland dan Singapura," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sementara itu, pelaburan langsung di luar negeri (DIA) mencatatkan aliran keluar bersih lebih tinggi sebanyak RM28.7 bilion pada suku keempat 2022 berbanding RM10.3 bilion pada suku tahun sebelumnya.

Beliau berkata, penyumbang utama kepada aliran keluar adalah daripada sektor perkhidmatan terutama dalam aktiviti perdagangan borong dan runcit, diikuti sektor perlombongan, pengkuarian dan pembuatan.

Tiga destinasi utama DIA ialah Belanda, United Kingdom dan Indonesia.

Merumuskan prestasi tahunan, Mohd Uzir berkata imbalan akaun semasa (CAB) negara terus mencatatkan lebihan

sebanyak RM47.2 bilion pada 2022 berbanding RM58.7 bilion setahun lalu.

Lebihan CAB yang mewakili 2.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), sebagian besarnya disokong oleh eksport bersih barang pada RM169.3 bilion.

RM1.2 trillion produk E&E

Eksport barangan merekodkan RM1.2 trillion terutama dalam produk elektrik dan elektronik (E&E), petroleum dan produk berrasaskan minyak sawit.

Destinasi utama ialah Singapura, China dan AS.

Sementara itu, import barangan mencatatkan RM1.0 triliun terutamanya dalam produk E&E. Sumber utama import ialah China, Singapura dan Taiwan.

"Melihat kepada prestasi per-

dagangan perkhidmatan pada 2022, akaun ini mencatatkan deficit sebanyak RM45.4 bilion, mengecil sebanyak 25.2 peratus berbanding RM60.7 bilion deficit pada tahun sebelumnya.

"Ini disumbangkan terutama oleh perjalanan yang menyaksikan deficit yang lebih rendah sebanyak RM1.8 billion berbanding deficit RM14.6 billion pada 2021," katanya.

Beliau berkata, eksport perjalanan mencapai 33.9 peratus daripada paras sebelum pandemik (2019), meningkat dengan ketara kepada RM27.9 billion pada 2022 daripada RM0.3 billion pada tahun sebelumnya.

Selain itu, komponen perkhidmatan lain iaitu pembuatan dan pembinaan juga menunjukkan prestasi yang menggalakkan pada 2022 dengan lebihan yang lebih tinggi, masing-masing se-

banyak RM16.7 billion dan RM1.3 billion.

Mohd Uzir berkata, akaun kewangan bagi 2022 mencatatkan aliran masuk bersih lebih tinggi sebanyak RM14.8 billion daripada RM13.0 billion pada 2021, disebabkan aliran masuk yang lebih tinggi dalam pelaburan lain dan pelaburan langsung.

Selain itu, aliran masuk FDI pada 2022 meningkat kepada RM73.3 billion berbanding RM48.1 billion yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Pada masa yang sama, DIA turut merekodkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM57.3 billion berbanding RM19.7 billion pada tahun sebelumnya.

"Pada akhir tahun 2022, keduakan FDI merekodkan RM875.1 billion manakala DIA ialah RM602.1 billion.

"Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (IIP) Malaysia mencatatkan aset bersih sebanyak RM63.0 billion, manakala rizab antarabangsa Malaysia berjumlah RM503.2 billion," katanya yang merujuk kepada pelaburan terkumpul.

Menurut Tinjauan Ekonomi oleh Kementerian Kewangan (MOF), lebihan CAB dijangka mencecah RM73.0 billion pada 2023 dengan eksport bersih barangan pada RM216.2 billion.

Lebihan CAB Malaysia bagi tahun 2022 masih di bawah paras sebelum pandemik iaitu RM52.9 billion (2019). **BERNAMA**

“ Pembuatan kekal sebagai sektor terbesar FDI, diikuti sektor perkhidmatan khususnya dalam maklumat dan komunikasi serta perlombongan dan pengkuarian. Sumber utama FDI adalah dari Amerika Syarikat (AS), Switzerland dan Singapura ”



Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan